

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	09 FEBRUARY 2017

Nostalgia bersama Almarhum Tunku Abdul Rahman

Um- 9/2/2017

KUALA LUMPUR 8 Feb. - Beberapa tokoh veteran tampil untuk mengimbas kembali kenangan nostalgia mereka bersama Bapa Kemerdekaan dan Perdana Menteri pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra bersempena tarikh keputeraan beliau yang ke-114 hari ini.

Bagi Presiden Persatuan Melayu Pulau Pinang (Pemenang) Tan Sri Yusof Latiff, yang mengenali Tunku sejak beliau mengambil alih pucuk pimpinan UMNO daripada Datuk Onn Jaafar pada 1951, integriti adalah sifat keperibadian Tunku yang paling menonjol.

"Integriti Tunku tidak ada tolak ansur, tidak boleh disangsi atau dipersoalkan. Tunku jujur dan ikhlas. Semasa mengambil alih pimpinan UMNO, parti itu tidak ada duit dan Tunku jual rumahnya di Pulau Pinang untuk membiayai perjalanan UMNO," katanya kepada *Bernama* di sini.

Selain itu, Yusof, 86, berkata, Tunku boleh dianggap sebagai



YUSOF LATIFF

keluarganya dan dalam kediamannya sendiri mempunyai para pekerja yang berbilang kaum serta agama.

"Itulah Tunku. Tukang masakunya Melayu, pemandunya India manakala pembantu rumah untuk basuh baju dan cuci pinggan adalah Cina.

"Tunku juga mengambil anak-anak bukan Melayu terutama berketurunan Cina sebagai anak angkatnya. Ada lima orang yang dibela oleh Tunku sejak kecil hingga dewasa dan berkahwin," kata Yusof.

Bekas Ketua Polis Negara, Tun Hanif Omar berkata, beliau mula rapat dengan Tunku ketika menjadi anggota kawalan keselamatan Tunku bagi rundingan Maphilindo (Malaysia/Filipina/Indonesia) yang berlarutan di Manila pada Jun 1963.

"Beliau seorang yang sangat simple, baik dan mesra... begitu lah beliau semasa hayatnya,

*Tunku Abdul Rahman,
Kau Bapa Kemerdekaan,
Putera raja kurniaan Yang Esa,
Untuk watan dan bangsa
tercinta.*

*Berdarah raja berjihad rakyat,
Menabur bakti penuh tekad,
Merancang diplomasi
mengatur bicara,
Demi kemerdekaan nusa dan
bangsa.*

Bapak Kemerdekaan,

*Di meja bulat engkau
berdebat,
Berdepan penjajah bangsa
keparat,
Lidahmu petah akalmu tinggi,
Akhirnya kemerdekaan berjaya
diperolehi.*

*Jiwamu tenang sepanjang
masa,
Wajahmu sentiasa senyum
mesra,
Di bibir rakyat namamu terukir,
Pujian diberi tanpa akhir.*

Bapak Kemerdekaan,

*Putra Melayu anugerah Yang
Esa,
Sinarmu bagai bulan purnama,
Tingkahmu indah
mempersona,
Di bumi keramat warisan
bangsa.*

*Jasa dan baktimu seluas laut
biru,
Besar kesan dan banyak
manfaatnya,*

PUISI KENANGAN UNTUK BAPA KEMERDEKAAN

*• Membebaskan nusa memajukan
• bangsamu,
• Menjadi tauladan sepanjang
• masa.
• Bapak Kemerdekaan,*

*• Kepimpinanmu bertuah,
• Mendapat seorang Pembantu
• Perkasa,
• Yang cukup taat dan setia,
• Abdul Razak Hussein namanya,
• Wira yang gigih bekerja,
• Yang kurang berbicara,
• Fikirannya pelita hati,
• Ketulusannya sudah teruji.*

*• Berdada lapang dan tinggi
• budinya,
• Bertutur dengan penuh adab
• dan makna,
• Sangat bijak ia dalam mengatur
• langkahnya,
• Sentiasa cermat awasi dalam
• pemerhatiannya.*

*• Tunku Abdul Rahman,
• Bapak Kemerdekaan,
• Kau sentiasa tekun mengharungi
• onak dan duri,
• Kau sentiasa tabah menungkah
• gelombang,
• Jika marah pun dalam ketawa
• Jika susah dalam senyum jua...*

• Bapak Kemerdekaan,

*• Kau memimpin dengan
• menyedari yang dipimpin,
• Menegur dengan menyedari
• yang ditegur,
• Mengarah dengan menyedari
• yang diarah.*

*• Kau menghukum dengan
• menyedari yang dihukum,*

*• Memuji dengan menyedari yang dipuji,
• Menguji dengan menyedari yang diuji,
• Menolong dengan menyedari yang
• ditolong.
• Bapak Kemerdekaan,*

*• Kau sentiasa peka dan
• berdiri teguh pada yang benar,
• Hanya pada yang benar.
• Itulah Bapak Kemerdekaan
• yang kami hormati,
• Itulah Bapak Kemerdekaan yang kami
• sayangi,
• Itulah Bapak Kemerdekaan yang
• kami abadikan dalam hati.
• Aamiin*

Nukilan Tan Sri Yusof Latiff

Presiden Persatuan Melayu Pulau Pinang (Pemenang), 08 Februari 2017



menjalani hidup seharian berpandukan ayat suci al-Quran yang dibaca setiap kali selepas solat Subuh," katanya.

Hanif berkata, Tunku pernah membenarkan beliau menggunakan rumahnya (Tunku) yang mengadap pantai di Pulau Pinang.

Zaman Khan berkata, ketika menjadi Ketua Polis Pulau Pinang, kuarters kediamannya hanya berselang sebuah rumah daripada rumah Tunku.

Katanya, beliau dinasihatkan oleh Tun Abdul Razak, yang menggantikan Tunku sebagai Perdana Menteri, supaya sen-

tiasa menemani Tunku, dan ini lazimnya beliau lakukan selepas solat Isyak.

Hampir setiap hari Khamis pula, Tunku akan mengundang beberapa ketua UMNO setempat untuk 'sesi bersembang dan mengimbas semula banyak kisah lama'.

Bekas jurubank Datuk Dr Rais Saniman berkata beliau diberi penghormatan untuk berkhidmat kepada Tunku di Jeddah, Arab Saudi, semasa Tunku menjadi Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Islam (kini Pertubuhan Kerjasama Islam-OIC), sejour selepas beliau meletak jawa-

tan sebagai perdana menteri pada 1970.

"Tunku bergabung idea dengan Raja Faisal untuk menubuhkan Bank Pembangunan Islam dan saya diarah oleh Tun Razak supaya menyertai kumpulan pakar antarabangsa untuk menubuhkan serta memulakan perjalanan bank berkenaan," katanya.

Pandangan Dr. Rais terhadap Tunku: "Pada mulanya saya rasa tidak selesa dengan Tunku namun kesudahannya, saya begitu memuliakan beliau. Tunku seorang yang mesra dan baik." - BERNAMA